Siaran Akhbar
Shah Alam, Selangor (20 Ogos 2022)

DEWI REMAJA X KINOHIMITSU FASHION DAY OUT 2022
Peragaan rekaan busana pelajar fesyen beri impak positif memperkasakan remaja

Fashion Day Out 2022 anjuran penaja bersama, Kinohimitsu Malaysia dan Dewi Remaja 2022 telah diadakan pada hari ini, 20 0gos 2022 (Sabtu) telah berjaya mencetuskan impak positif kepada kelompok pelajar fesyen tempatan serta industri fesyen, secara tidak langsung.

Pertunjukan fesyen tersebut telah berlangsung di Central I-City, Shah Alam dengan menampilkan rekaan bertemakan "Chic & Elegant" oleh 10 orang pelajar jurusan Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian, Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual daripada Politeknik Ibrahim Sultan. Ini merupakan kali pertama rekaan 10 orang pelajar ini diperagakan kepada khalayak umum dan kesemuanya diperagakan oleh 16 finalis Dewi Remaja 2022.

Menariknya, sebanyak dua kategori telah dipertandingkan sewaktu acara Fashion Day Out 2022 iaitu kategori Best Catwalk di antara finalis Dewi Remaja 2022 dan kategori Best Design bagi 10 pelajar terlibat.

Bagi mengadili pemarkahan bagi dua kategori ini, seramai lima orang juri telah dilantik oleh pihak penganjur. Mereka terdiri daripada Dewi Remaja 2019, Shaza Bae; Pengurus Besar Jualan & Pemasaran Kinohimitsu Malaysia, Ms Winnie Pok; Duta Kinohimitsu Malaysia, Farisha Iris dan duo pereka tempatan, Zeed Jamil serta Ammar Madfie daripada AMAZÈ.

Bercakap dengan lebih lanjut mengenai acara Fashion Day Out ini, En. Fiezreen Ahmad selaku Editor Pengurusan REMAJA berkata, "Penganjuran Fashion Day Out ini dilihat sebagai satu usaha untuk memperhebatkan lagi penganjuran Dewi Remaja 2022 sekaligus memartabatkan idea kreatif para pelajar jurusan fesyen yang bakal mewarnai industri seni dan kreatif negara suatu hari nanti. Selain itu, penganjuran ini juga memberi pendedahan kepada finalis Dewi Remaja 2022 mengenai dunia peragaan sekali gus tampil yakin berhadapan dengan khalayak ramai."

Menurut Ms Winnie Pok, wakil penganjur daripada Kinohimitsu berkata, "Ini adalah padanan yang sempurna untuk menggabungkan fesyen dan produk kecantikan Kinohimitsu untuk menonjolkan keanggunan, kecantikan dan berseri setiap dewi-dewi."

Pendedahan para pelajar dalam acara pertunjukan fesyen ini telah memberikan mereka platform yang berguna untuk memperkasakan pelajar dengan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh dan seterusnya melahirkan graduan fesyen yang berkualiti dan berjaya menaikkan lagi industri fesyen tempatan di masa akan datang.

Pentas akhir pencarian Dewi Remaja 2022 akan menyusul tidak lama lagi dan akan disiarkan secara langsung pada 3 September 2022, jam 9 malam di saluran Astro Ria dan aplikasi Astro Go bagi menentukan siapakah juara Dewi Remaja 2022.

-TAMAT-

HASHTAG RASMI
#DewiRemaja2022
#DewiRemaja
#KinohimitsuMY
#KinohimitsuActiv

Imbas kod QR bagi menggunakan filter Dewi Remaja 2022 di Instagram & Facebook

Facebook Filter :

Instagram Filter :

Trivia Game Filter :

TENTANG NU IDEAKTIV

Nu Ideaktiv Sdn Bhd merupakan syarikat usaha sama di antara Astro dan Karangkraf yang telah ditubuhkan pada 2 Mei 2018. Nu Ideaktiv berusaha dalam menyebarkan informasi melalui kandungan media digital yang penuh inspirasi dan menjadi salah satu jenama peneraju dalam media Malaysia.

TENTANG MAJALAH REMAJA

Remaja merupakan sebuah jenama media yang didedikasikan untuk menyediakan kandungan inspirasi dan aspirasi bagi anak muda Malaysia selama lebih 38 tahun. Bermula sebagai majalah, kini jenama ini bertapak kukuh di dunia digital. Remaja adalah jenama yang mengupas tentang trend fesyen dan kecantikan, tip pendidikan & kerjaya, nasihat hubungan, perihal selebriti dan hiburan, peretasan hidup serta inklusif dengan pelbagai lagi informasi bagi para anak muda yang ingin meningkatkan gaya hidup mereka pada setiap hari.

PENAJA BERSAMA:

Kinohimitsu
Semua produk Kinohimitsu memiliki ekstrak semula jadi yang sangat penting untuk sistem semula jadi kawalan kendiri. Fokus utama Kinohimitsu adalah Detoks , kesihatan dan kecantikan yang berasaskan prinsip pendekatan holistik bagi menambahbaik kesejahteraan hidup manusia. Kinohimitsu juga menawarkan penggunaan produk semula jadi yang selamat dan berkesan. Kinohimitsu menambah baik kehidupan anda tanpa membuat sebarang tuntutan bagi masa dan tenaga anda, malah memberi anda kebebasan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik. Kinohimitsu Anggun, Cantik, Berseri !

Untuk maklumat lanjut tentang Kinohimitsu, layari *my.kinohimitsu.com*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Intan Srihana Daud
Ketua Jabatan Komunikasi & Pemasaran
Nu Ideaktiv Sdn Bhd

Mobile : +6012 299 8317
Email : intan_srihana@ideaktiv.com

Rozaida Binti Hashim
Eksekutif Komunikasi & Pemasaran
Nu Ideaktiv Sdn Bhd

Mobile : +6016 320 3413
Email : rozaida@ideaktiv.com